

Parti komponen BN sokong Abdullah

KUALA LUMPUR 16 Jun - Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sokongan padu itu dibuat melalui Jawatankuasa Pengurusan Dewan Tertinggi BN, yang kemudiannya disampaikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting kepada Perdana Menteri semasa mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Abdullah semasa sidang akhbar selepas mempeugeruskan mesyuarat tersebut memaklumkan bahawa keputusan itu telah diluluskan oleh Dewan Tertinggi BN.

Beliau turut mengucapkan terima kasih atas sokongan padu yang diberikan oleh pemimpin BN itu.

Mengenai mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Perdana Menteri menjelaskan, ia membincangkan pelbagai perkara termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kita juga membincangkan mengenai situasi ekonomi pada waktu ini dan kedudukan BN sebagai parti yang besar dalam negara ini," kata beliau.

Katanya, sebagai parti yang kukuh, BN telah mengambil keputusan yang tegas bagi memastikan BN terus kuat dan berpengaruh supaya RMK-9 dapat dilaksanakan dengan segera dan bersungguh-sungguh.